

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[Pengerang]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan progres terkini usaha Kerajaan untuk mewujudkan Akta Suruhanjaya Kanak-Kanak yang akan menjadi satu badan yang bebas dan memiliki bidang kuasa khusus bagi melindungi hak serta kebajikan kanak-kanak di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan pelantikan YBhg. Prof. Dato' Noor Aziah Hj. Mohd. Awal sebagai Pesuruhjaya Kanak-kanak untuk tempoh 3 tahun mulai 27 April 2019 hingga April 2022.

Dengan pelantikan ini, Pesuruhjaya ini berfungsi sebagai satu badan bebas yang akan menasihati dan membuat syor kepada Kerajaan mengenai sebarang isu yang berkaitan kanak-kanak daripada aspek kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak.

Pelantikan Pesuruhjaya Kanak-Kanak SUHAKAM ini telah dilaksanakan tertakluk kepada Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 di bawah Bahagian Hal Ehwal undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM).

Sehubungan itu, cadangan untuk mewujudkan satu Akta Suruhanjaya Kanak-Kanak yang khusus merupakan ketetapan dasar di bawah bidang kuasa BHEUU, JPM supaya tidak bertindih dengan fungsi SUHAKAM yang sedia ada. Berdasarkan maklum balas daripada BHEUU, JPM ketetapan dasar ini perlu mengambil kira keberkesanan fungsi Pesuruhjaya Kanak-Kanak yang diwujudkan untuk satu penggal serta kemampuan kewangan kerajaan pada ketika ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI
[IGAN]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa jumlah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat di kawasan Parlimen Igan dari tahun 2018 hingga sekarang dan apakah mekanisme pemilihan yang diguna pakai serta jumlah peruntukan yang terlibat serta kategori penerima bantuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga kumpulan sasar ini mampu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu ke arah hidup berdikari.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga September 2021, jumlah penerima bantuan JKM di kawasan Parlimen Iganialah seramai **1,061 penerima** yang melibatkan semua skim bantuan jabatan. Peruntukan keseluruhan yang telah disalurkan dari tahun 2018 hingga September 2021 adalah sebanyak **RM8.5 juta**.

Bantuan Kewangan Bulanan yang disediakan oleh JKM merupakan bantuan secara bersasar dan terbuka kepada semua golongan yang memerlukan mengikut syarat dan kelayakan yang ditetapkan oleh Garis Panduan Pengurusan Bantuan Persekutuan Jabatan Kebajikan Masyarakat 2018.

Syarat utama penentuan kelayakan pemberian bantuan ialah Pendapatan Garis Kemiskinan Semasa (PGK). JKM telah menggunakan dua (2) kaedah pengiraan PGK iaitu:

1. PGK Purata Miskin Isi Rumah Semasa; atau
2. PGK Purata Miskin Per Kapita Semasa

Pertimbangan untuk menentukan kelayakan pemohon boleh menggunakan kaedah 1 atau 2 dan yang mana lebih memberikan kesejahteraan dan kebajikan kepada pemohon.

Penggunaan PGK Semasa ini telah diguna pakai dalam menentukan kelulusan permohonan Bantuan Am Persekutuan, Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Orang Tua, Bantuan OKU Tidak Bekerja, Bantuan Alat Tiruan dan Bantuan Geran Pelancaran.

SOALAN NO. : 5

Syarat kelayakan permohonan bantuan JKM bukan bergantung semata-mata kepada pendapatan, malah turut mengambil kira faktor-faktor lain seperti bilangan ahli isi rumah yang perlu ditanggung, tahap ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarganya dan faktor-faktor lain yang munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan keluarga.

Kelulusan pemberian bantuan ini adalah melalui proses siasatan serta penilaian yang dibuat secara standard dan konsisten. Setiap permohonan lengkap yang diterima akan disiasat dan dibuat penilaian (*means-tested*) bagi mengesahkan kelayakan pemohon agar bantuan diberikan kepada yang benar-benar berkelayakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHAN LIH KANG
[TANJONG MALIM]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Tuan Chan Lih Kang [Tanjong Malim] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah pusat perlindungan wanita, pusat penjagaan OKU, rumah anak yatim atau rumah orang tua daripada beroperasi tanpa lesen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) telah diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994.

Terdapat 2 proses bagi sesebuah pusat Jagaan untuk mendapatkan perakuan pendaftaran iaitu:

- 1) Proses mendapat **kelulusan 3 agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat, dan Kementerian Kesihatan Malaysia.**
- 2) Proses mendapatkan **perakuan pendaftaran daripada JKM.** Mengikut piagam pelanggan JKM, proses perakuan pendaftaran merujuk pada tempoh 21 hari selepas menerima permohonan lengkap dengan kelulusan 3 agensi teknikal. Dengan ini tiada kes Pusat Jagaan yang tidak mendapat kelulusan setelah memenuhi kelulusan 3 agensi teknikal tersebut.

Semua Pusat Jagaan hendaklah mendapat **kelulusan daripada 3 agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia** sebelum perakuan pendaftaran dipertimbangkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Di antara punca sesebuah pusat jagaan **gagal didaftarkan adalah bergantung kepada kelulusan 3 agensi teknikal** berdasarkan keperluan agensi yang telah ditetapkan. Bagi mempermudah dan menggalakkan pusat jagaan untuk mendaftar, JKM mengadakan **sesi advokasi kepada pengendali pusat jagaan, mesyuarat inter-agensi bersama agensi-agensi teknikal 2 kali setahun di setiap daerah dan negeri, serta jerayawara** di setiap negeri untuk memberi pemahaman dan mudah cara proses pendaftaran Pusat Jagaan di seluruh negara. JKM melaksanakan program advokasi dan jerayawara secara

berterusan kepada pengendali pusat jagaan dan masyarakat bagi memastikan mereka lebih cakna dan sedar kepentingan mendaftarkan pusat jagaan dengan JKM. **Berdasarkan statistik daripada Januari sehingga September tahun ini, terdapat sebanyak 43 program jerayawara direkodkan telah diadakan di seluruh negara.**

Kementerian juga komited dalam memastikan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas pusat jagaan yang tidak berdaftar. Terdapat tiga tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil ke atas pusat jagaan tidak berdaftar. Mengikut peruntukan Akta Pusat Jagaan (1993) Pindaan (2007), dinyatakan dalam Seksyen 16A(1) **mengelak atau menyita**. Selain itu, di bawah seksyen 21 pula adalah untuk **pendakwaan** manakala seksyen 21A(1) **pengkompaunan** kesalahan tidak melebihi lima ribu ringgit (RM5,000.00).

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada yang dinyatakan di atas, Seksyen 18 Akta Pusat Jagaan 1993 juga menyatakan tentang **kesalahan dan penalti** kepada pengendali pusat-pusat jagaan yang gagal mematuhi peruntukan dalam akta ini, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit (RM10,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Berdasarkan statistik daripada **Januari 2018 sehingga Ogos 2021, sebanyak 59 tindakan penguatkuasaan** yang telah dikenakan ke atas pusat jagaan tidak berdaftar. JKM berusaha memastikan pusat jagaan tidak berdaftar dapat diminimumkan dengan menjalankan program advokasi dan jerayawara. **Tindakan penguatkuasaan terpaksa diambil ke atas pemilik atau pengusaha yang telah diberikan amaran tetapi masih ingkar untuk mendaftarkan pusat jagaan mereka memandangkan kebajikan dan kesejahteraan penghuni di pusat-pusat jagaan ini yang menjadi keutamaan kepada JKM.**

Sekian, terima kasih.